

Pelajar UMS anjur bengkel Pengiktirafan Pengamal Perhubungan Raya Sabah 2014

NST 27.2.2014 18

KOTA KINABALU: Pelajar-pelajar jalur Perhubungan Awam dan Periklanan, Program Komunikasi, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah akan menganjurkan bengkel Pengiktirafan Pengamal Perhubungan Raya Sabah 2014.

Bengkel tersebut telah diadakan kelmarin dan berakhir hari ini di Dewan YTL, UMS yang disertai oleh 65 orang pegawai Perhubungan Awam Sabah.

Bengkel yang diadakan ini bertujuan untuk memberikan ilmu pengurusan dan penyelenggaraan, kepimpinan, budaya kerja berkualiti dan beretika sebagai pegawai Perhubungan Awam.

Pengarah Jabatan Penerangan Sabah, Haji Almain Ajirul, berkata penganjuran bengkel ini merupakan kolaborasi antara pihak UMS dan IPRM.

Dekan Sekolah Sains Sosial, UMS Prof. Dato' Mohd. Hamdan Adnan, berkata menerusi Seminar IPRM Perhubungan Awam 2014, saya berharap perkongsian pengetahuan dan pengalaman ini sedikit sebanyak akan dapat memberi panduan dalam melaksanakan program di organisasi dan agensi masing-masing dengan lebih cekap dan berkesan.

IPRM adalah sebuah badan profesional yang telah ditubuhkan sejak tahun 1962 bertujuan untuk memperkasakan tahap profesional dalam kalangan pengamal perhubungan awam di Malaysia.

Selain itu, Sekolah Sains Sosial turut menganjurkan bengkel "Public Relations Seminar: A Step Towards Professionalism" kepada pelajar program Komunikasi di peringkat diploma dan ijazah di Sabah esok (28 Feb).